

RASUAH

Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang dimana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut.

Hukum perbuatan rasuah ini sebagaimana yang kita ketahui adalah **HARAM** dan ia adalah jenayah disisi agama dan undang-undang. Pemberi dan penerima rasuah adalah pengkhianat agama, bangsa dan negara.

Nabi Muhammad SAW telah bersabda di dalam sebuah hadis

“Rasul SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah”

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Berdasarkan pemerhatian, jika lemah iman seseorang itu, lagi besar kedudukan, pangkat dan kuasa seseorang itu maka lagi besarlah peluang untuknya terlibat dalam perbuatan rasuah ini. Jika amalan rasuah ini terus meningkat, amat dikhuatiri akan mengancam kestabilan ekonomi dan keselamatan negara.

Antara punca utama amalan rasuah ini berlaku ialah sikap mahu hidup mewah diluar kemampuan dan memburu kekayaan secara salah.

Sedarkah kita bahawa akibat daripada perbuatan ini, akan tertolaknya doa kita kepada Allah berdasarkan sebuah hadis:

Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda di dalam sebuah hadis yang berbunyi :

"Nabi Muhammad S.A.W menceritakan tentang seorang lelaki yang telah lama bermusafir sehingga rambutnya kusut masai dan berdebu. Orang itu menadah tangan ke langit dan berdoa : Wahai Tuhanku ! Wahai Tuhanku. Padahal makanannya dari barang yang haram, minumannya dari barang yang haram, pakaiannya dari yang haram dan dia dibesarkan dengan makanan yang haram. Maka bagaimanakah Allah akan memperkenankan doanya?"

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Justeru sebagai seorang staf universiti, saya menyeru kepada semua untuk menjauhi amalan yang tidak berintegriti ini kerana ia akan memberikan kesan buruk kepada diri, masyarakat dan lebih penting lagi kestabilan ekonomi universiti akan tergugat dek kerana sebilangan daripada kita yang tidak amanah.

Perbuatan rasuah ini juga menunjukkan bahawa segala amal kebaikan yang kita lakukan seperti solat, berzakat, menunaikan umrah dan haji hanyalah sia-sia sahaja kerana ia tidak dapat mencegah hati kita daripada melakukan perbuatan keji ini.

Marilah kita sama-sama bermuhasabah diri dari petikan ini. Semoga Allah Azza Wajalla mengurniakan kepada kita kemampuan untuk sentiasa amanah dalam bekerja dengan hati yang tenang dan merasa cukup dengan apa yang ada, hingga rezeki kita menjadi berkat dunia dan akhirat.

Insyallah.

~ Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.~

al-Baqarah: 2: 188